



Bahagian 1

Jangkaan pekerja baharu

Lazimnya menjangkakan sesuatu yang akan berlaku adalah sifat semula jadi yang wujud dalam diri setiap manusia. Kita menjangkakan urusan hari esok mungkin lebih baik daripada hari ini atau sebaliknya.

Pelajar juga mempunyai jangkaan semasa menuntut di institusi pengajian tinggi. Misalnya, bagaimana cara menampilkan diri ketika menghadiri kuliah atau tutorial, atau bagaimana pelajar berinteraksi dengan penterarah.

Kepada graduan yang sedang mencari kerja mungkin calon sentiasa mempunyai jangkaan untuk mendapat kerja yang diminati.

Begitu juga semasa mula bekerja apabila perkara serius berlaku dan tidak seperti dijangkakan, anda mungkin berasa bimbang jika tidak dapat memenuhi jangkaan organisasi.

Bagi menghadapi situasi baharu dalam pekerjaan pertama,

anda haruslah realistik dan berlapang dada serta minda terhadap apa yang dijangkakan berlaku.

Penyelidikan oleh Nezia Azmi menunjukkan ada kemungkinan wujud beberapa jangkaan ketika seseorang mula bekerja seperti jangkaan berlaku kesilapan, kesan kepada organisasi, dinilai dari segi prestasi, jangkaan untuk dicabar, berasa bosan, mendapat penghargaan serta jangkaan untuk berubah.

Jangkaan berlaku kesilapan

Kebimbangan sering wujud dalam diri manusia apabila melakukan kesilapan. Ini dilema besar terutama graduan yang baru bekerja.

Sebagai contoh, sebagai orang yang dilakukan memberi kesan negatif kepada organisasi anda bekerja menyebabkan majikan atau ketua memberi amaran kepada anda. Walau bagaimanapun, anggapan itu tidak semestinya benar kerana kesilapan itu mempunyai lebih daripada satu dimensi.

Memang benar melakukan kesilapan adalah sifat semula jadi manusia. Kesilapan memang boleh berlaku dalam pekerjaan. Jika berlaku, anda jangan mudah berasa cemas dan bimbang.


Di samping itu, kesilapan boleh berlaku akibat daripada risiko yang diambil. Misalnya, dalam membuat keputusan bagi sesuatu tugas, seseorang itu harus mempunyai ilmu pengetahuan semasa mengambil risiko.

Anda tidak tahu dalam banyak perkara dan kadang-kala melakukan sesuatu keputusan hanya mengikut gerak hati sehingga tindakan itu diketahui hasilnya.

Sebenarnya, kesilapan adalah cara terbaik untuk kita belajar namun demikian, terdapat dua kemungkinan, sama ada boleh menjadi lebih baik atau sebaliknya.

Perkara yang paling penting adalah menyedari, mempelajari seterusnya memperbaiki kesilapan itu dan pada masa sama tidak mengulanginya. Jangan melakukan kesilapan kedua untuk perkara yang sama.

Jangkaan memberi kesan



Percayalah bahawa sumbangan anda akan menambah nilai kepada organisasi walaupun kelihatan kecil. Sebagai pekerja baharu, tanggungjawab anda tidak semestinya memberi kesan secara langsung atau signifikan, tetapi apa yang lebih penting ialah cara anda akan melakukan sesuatu tugas itu.

Contohnya, bagaimana persembahan anda dalam perbincangan, bagaimana menyusun laporan, menulis e-mel, atau bagaimana menguruskan sesuatu krisis yang berlaku di tempat kerja. Perkara itu mungkin memberi kesan kepada masa hadapan kerjaya anda.

Tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi yang berkesan menjadi pelincir kepada perjalanan sesebuah syarikat. Oleh itu, jadilah seorang pekerja yang boleh dibanggakan melalui kemahiran komunikasi.

Caranya ialah dengan mengurus setiap pertemuan secara teliti di samping peka kepada keperluan organisasi atau ketua anda.

Cuba mulakan sesuatu tugas itu dengan idea yang sistematik dengan membatik staf lain untuk membantu mencapai sesuatu matlamat yang

ditetapkan.

Setiap perbincangan sama ada secara formal atau tidak formal perlulah bertujuan untuk menyelesaikan sesuatu tugas.

Jangkaan untuk dinilai

Dalam dunia kerjaya, pekerja akan dinilai berdasarkan kualiti kerja yang dihasilkan. Sebagai orang baharu, anda tidak harus berasa rendah diri jika belum mencapai prestasi yang tinggi seperti yang ditetapkan oleh ketua atau organisasi.

Perkara itu kelaziman dalam proses memperkukuhkan prestasi organisasi. Anda tidak perlu lari daripada kebimbangan itu sebaliknya, belajar untuk menerimanya dan meningkatkan prestasi dari masa ke masa.

Biasakan diri untuk mendapat penilaian daripada ketua secara berterusan. Mungkin tanpa disedari anda boleh melakukan yang lebih baik. Anda mampu melakukannya!

Misalnya, kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Biasanya pekerja akan menyemak semula kualiti perkhidmatan yang dihasilkan apabila proses berakhir. Hal ini disebabkan mungkin akan berlaku kesilapan semasa proses kerja sedang dijalankan.